

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM
[TAMPIN]**

TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan bagaimana Kementerian mengatasi kejatuhan ekonomi masyarakat luar bandar. Apakah terdapat kajian menyeluruh tentang kemerosotan ekonomi mereka kesan daripada pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Inisiatif dan langkah yang telah di ambil oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) bagi membantu mengatasi kesan kejatuhan ekonomi masyarakat luar bandar dalam mendepani impak pandemik COVID-19 ialah dengan menyediakan pelbagai bantuan kepada kumpulan bersasar melibatkan kumpulan B40 ke bawah, golongan usahawan, pelajar dan masyarakat Orang Asli. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan ialah seperti berikut:

- i. Penyediaan bantuan bantuan bakul makanan khusus kepada Ketua Isi Rumah masyarakat Orang Asli kepada 62,269 isi rumah melibatkan peruntukan sebanyak RM12 juta;
- ii. Kemudahan penjadualan semula bayaran dan moratorium pinjaman pelajaran sehingga Disember 2021;

- iii. Menyediakan inisiatif latihan keusahawanan secara atas talian dengan tumpuan mendaya perniagaan;
- iv. Kemudahan penjadualan semula bayaran balik pinjaman;
- v. Pengecualian sewaan premis perniagaan sehingga Disember 2021 kepada usahawan di luar bandar;
- vi. Pengecualian bayaran sewa tanah;
- vii. Penangguhan bayaran sewa rumah; dan
- viii. Program Vaksinasi Luar Bandar.

Secara keseluruhannya, KPLB telah memperuntukkan sebanyak RM231.6 juta di bawah pelbagai inisiatif sepanjang tempoh pandemik ini bagi membantu memperkukuh ekonomi masyarakat luar bandar melibatkan 833,197 penerima manfaat.

Tuan Yang di-Pertua,

KPLB ada melaksanakan kajian penilaian outcome program-program kementerian bagi melihat kesan pandemik COVID-19 ini terhadap masyarakat luar bandar.

Berdasarkan dapatan kajian penilaian outcome program KPLB, 60.5 peratus peserta B40 dapat meningkatkan pendapatan selepas menerima bantuan pada tahun 2020. Manakala dari segi pekerjaan, pada tahun 2020, kebolehpasaran bagi graduan lepasan institut pengajian MARA ialah sebanyak 90.3 peratus.

KPLB juga telah melaksanakan inisiatif melalui institusi TVET@KPLB bagi membantu belia mendapatkan pekerjaan dalam bidang kemahiran melalui skim penjana kerjaya MARA (pinjaman boleh ubah). Pada tahun 2021, MARA telah diluluskan peruntukan berjumlah RM19.5 juta bagi pelaksanaan program di bawah PENJANA 2021.

Selain inisiatif-inisiatif yang dinyatakan, KPLB juga telah meminda kaedah pelaksanaan beberapa program kementerian sebelum ini bagi

kemudahan masyarakat luar bandar khususnya. Tindakan ini diyakini akan membantu dalam melonjakkan semula ekonomi di luar bandar serta meningkatkan pendapatan masyarakat luar bandar.

Antara pindaan yang dibuat adalah pemberian geran penuh tunai di bawah Skim Pengukuhan Keusahawanan Luar Bandar (SPKLB) berbanding geran padanan 70:30 sebelum ini khusus untuk usahawan di luar bandar. Selain itu, had pembiayaan Skim Pembiayaan Perniagaan Khusus Untuk Wanita (DanaNita) di bawah MARA pula telah dinaikkan kepada RM150,000 berbanding RM50,000 sebelum ini.

Inisiatif dan usaha ini merupakan usaha berterusan KPLB dalam membantu masyarakat luar bandar yang terjejas berikutan pandemik yang sedang melanda ini seterusnya meningkatkan semula ekonomi mereka.

Sekian, terima kasih.